

**TEKS UCAPAN  
YBHG PROF. DR. UDA HASHIM  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
KARNIVAL SUKAN ANTARA PUSAT-PUSAT PENGAJIAN  
PADA 25 NOVEMBER 2018  
KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB PUTRA**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai- pegawai Utama UniMAP, Penolong Naib Canselor

Yang Berusaha Tuan Haji Suhizaz Sudin, Pengarah Pusat Sukan UniMAP

Dekan - Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP

Yang dihormati, para penaja, pengurus, jurulatih, para atlit Karnival Sukan Antara Pusat Pengajian dan Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP,

Anak-anak pelajar UniMAP, Wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

**ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah Aza Wajalla kerana dengan izin dan inayahNya, dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Majlis Penutup Karnival Sukan Antara Pusat-pusat Pengajian Kali ke-9 bagi tahun 2018.

2. Pertama sekali izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat Sekretariat Pusat Sukan di bawah pengurusan Pengaruhnya, Tuan Haji Suhizaz Sudin, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni , Bahagian Pengurusan Akademik serta semua barisan Jawatankuasa perlaksana yang terlibat dalam penganjuran karnival sukan pelajar ini.
3. Di kesempatan ini juga ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua barisan atlet serta pihak Pusat-Pusat Pengajian yang turut sama bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran karnival ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **KARNIVAL SUKAN ANTARA PUSAT PENGAJIAN**

4. Sukan merupakan satu lapangan yang merangkumi semua aktiviti kecerdasan dan kemahiran dalam sesuatu acara atau permainan. Malah sukan sering menjadi keutamaan bagi menghiasi dada akhbar dan bukan sahaja melibatkan kejohanan tempatan malahan di peringkat global.
5. Acara sukan serta kejohanan-kejohanan merupakan program yang sangat penting dan wajib diadakan sama ada setahun sekali, dwi-tahunan, empat tahun sekali atau sebagainya. Bertitik tolak daripada itu, maka Karnival Sukan Antara Pusat Pengajian ini diadakan bagi memartabatkan sukan di mata masyarakat selain dapat mencungkil bakat-bakat baharu dalam arena ini.

6. Di samping itu juga, karnival sukan ini dapat dijadikan sebagai salah satu batu loncaran kepada para atlet untuk mewakili universiti dalam kejohanan-kejohanan berprestij seperti kejohanan anjuran MASUM dan sukan-sukan jemputan.
7. Untuk makluman semua, sebanyak 16 acara sukan pada karnival ini dengan penglibatan 10 pusat pengajian. Justeru saya amat berbangga kerana karnival sukan ini sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan setiap tahun daripada pelajar-pelajar UniMAP. Malah kita juga berjaya melahirkan beberapa atlet-atlet menerusi karnival sukan ini. Alhamdulillah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

#### **KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KALI KE-14**

8. Sempena karnival ini juga turut diadakan Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP kali ke-14 juga dengan objektif yang sama iaitu mencungkil dan mengenalpasti pelajar-pelajar yang berpotensi dalam acara olahraga dalam menghadapi cabaran di sukan-sukan seperti Sukan Antara Institut Pengajian (SUKIPT) yang diadakan setiap tahun.
9. Malah menerusi penganjuran kejohanan-kejohanan ini sekaligus membuktikan UniMAP adalah sebuah universiti kejuruteraan yang turut menekankan aspek sukan di kalangan pelajar dalam usaha mewujudkan aktiviti sihat dan kurikulum yang mantap.

10. Bukan itu sahaja, dengan bersukan pelajar-pelajar UniMAP juga tidak terlalu terdedah dengan tekanan belajar semata-mata malah dapat meredakan tekanan dan menyihatkan badan.
11. Justeru, sebanyak 17 acara dipertandingkan kali ini dengan gabungan karnival sukan dan kejohanan olahraga tertutup untuk merebut juara keseluruhan.

Hadirin hadirat dan anak didik yang dikasihi,

### **PENUTUP**

12. Sebelum mengakhiri ucapan saya petang ini, izinkan saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan dikalungkan kepada jawatankuasa pengajur kerana memastikan kejohanan ini berjalan dengan lancar
13. Tidak dilupakan juga syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua atlet yang bertanding. Tahniah pada yang berjaya, dan pada yang tidak berjaya, teruskan usaha memperbaiki diri dan cuba lagi pada tahun hadapan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Penutup Karnival Sukan Antara Pusat Pengajian dan Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2018.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.